

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN  
(BERTULIS) DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN (BERTULIS)**

**DARIPADA : TUAN LUKANISMAN BIN AWANG  
SAUNI [ SIBUTI ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan secara terperinci jumlah peruntukan Projek Jalan Desa, Projek Baikpulih Rumah, Projek Bina Baru Rumah, Projek PIA/PIAS dan Projek Lampu Jalan bagi kawasan Parlimen Sibuti tahun 2020 dan berapa jumlah projek yang dibawa ke tahun 2021 yang dikemukakan oleh Kerajaan negeri kepada peringkat Kementerian.

**JAWAPAN**

**Untuk makluman Yang Berhormat,**

Pihak Kementerian telah meluluskan pelaksanaan tujuh (7) Projek Jalan Perhubungan Desa (JPD) berjumlah RM3.0 juta di Parlimen Sibuti bagi tahun 2020.

Bagi Program Ameniti Sosial (PAMS) pula, sebanyak satu (1) projek berjumlah RM40 ribu telah diluluskan di Parlimen Sibuti bagi tahun 2020.

Pihak Kementerian sedang menjalankan siasatan kos dan skop berhubung permohonan bagi Projek JPD dan PAMS yang telah diterima daripada Pemimpin Tempatan, Pejabat Daerah mahupun orang perseorangan untuk tujuan pelaksanaan pada tahun 2021. Walaubagaimanapun, ianya adalah tertakluk kepada peruntukan yang akan diluluskan.

Bagi pelaksanaan Program Pemasangan Lampu Jalan Kampung (LJK) di Parlimen Sibuti untuk tahun 2020, sebanyak 35 unit LJK di tiga (3) buah kampung, melibatkan anggaran kos sebanyak RM60,950.00 telah dicadangkan untuk pemasangan, dan kini sedang dalam fasa semakan lokasi yang bersesuaian di tapak.

Kerja-kerja pemasangan bagi lokasi-lokasi yang telah dikenalpasti pula sudah pun bermula secara berperingkat sejak pertengahan September 2020, dan dijangkakan kesemua LJK bagi projek tahun 2020 ini akan siap dipasang sepenuhnya menjelang Oktober 2021.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI [ SIBUTI ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah perlaksanaan projek gantian penuh Asrama dan kuarters Guru bagi SK Lambir Village akan dilaksanakan.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Projek gantian penuh asrama dan kuarters guru di SK Lambir Village, Miri, Sarawak termasuk dalam senarai untuk dibangunkan semula dalam Fasa 3 menggunakan peruntukan pembayaran kontra RM1 bilion daripada Kerajaan Negeri Sarawak kepada Kerajaan Persekutuan. Pada masa ini, senarai Fasa 3 tersebut sedang diperinci dan sedang dimuktamadkan oleh pihak Kerajaan Negeri Sarawak bersama dengan Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak.

Setelah senarai sekolah Fasa 3 dimuktamadkan, ia akan dikemukakan kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri untuk kelulusan pelaksanaan projek.

Sekian.